

Headline	Pulihara 33 spesies tumbuhan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 May 2018	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	45	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	838 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 33,012
Frequency	Daily	PR Value	RM 99,036

PULIHARA 33 SPESIES TUMBUHAN

Taman Sinonim SPF
Selandar tanam pokok
sama seperti nama tempat

Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Nama tumbuhan di Malaysia sering dikaitkan dengan negeri, bandar, pekan, kampung, desa, taman, jalan, lorong dan bangunan.

Di Melaka saja, terdapat lebih 33 jenis pokok yang mempunyai nama tempatan sinonim dengan nama tempat.

Sementara itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) turut mengenal pasti 149 spesies tumbuhan yang dinamakan atau mempunyai nama serupa dengan tempat di Malaysia.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, sebanyak 66 pokok daripada 33 spesies tumbuhan yang nama tempatannya sinonim dengan nama tempat di Melaka ditanam di Taman Sinonim itu.

Beliau berkata, 33 spesies pokok itu dipilih sempena ulang tahun FRIM ke-33 tahun termasuk pokok Melaka (*Phyllanthus emblica*), pokok durian (*Durio sp*) dan Merlimau (*Suregada multiflora*).

"Program ini mengetengahkan kepentingan pemuliharaan hutan dan memberi kesedaran kepada masyarakat umum berkenaan kewujudan nama tempat yang sinonim dengan nama tumbuhan.

"Justeru, Stesen Penyelidikan (SPF) FRIM Selandar di Melaka yang dibangunkan sejak 2009 sebagai stesen penyelidikan bagi uji tanam bahan tanaman dihasilkan secara tisul kultur.

"Pelbagai spesies herba



USAHA FRIM turut menekankan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.



DR Abd Latif (tengah) menyerahkan buku **FRIM Sinonim Nama Tempat dengan Nama Tumbuhan** kepada wakil sekolah.



PESERTA menanam pokok sempena sambutan IDF.



SEBAHAGIAN peserta bergambar kenangan.

yang terpilih dan bagi usaha pemulihan kawasan hutan sedia ada. Klon tumbuhan terpilih akan dibiak baik secara tisul kultur, dipelihara dan ditanam di setiap stesen penyelidikan FRIM sebagai strategi mengelakkan daripada kepupusan," katanya.

Beliau berkata demikian sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa (IDF) Peringkat FRIM dan Penubuhan Taman Sinonim di SPF Selandar, Melaka, baru-baru ini.

Abd Latif berkata, antara spesies hutan daripada klon yang terpilih termasuk pokok meranti temak nipis (*Shorea roxburghii*), jelutong (*Dyera costulata*), karas, batai (*Paraserianthes falcataria*), sesenduk (*Endospermum malaccense*) dan *Eucalyptus* yang ditanam secara ex situ di SPF Selandar, Melaka dan Segamat, Johor.

"Kita juga menanam pokok karas, kacip fatimah dan tongkat ali di SPF Mata Ayer, Perlis.

"FRIM menjalankan usaha menyelamatkan spesies tumbuhan dari ancaman kepupusan melalui penubuhan kawasan pemuliharaan secara in situ di habitat semula jadi atau ex situ melalui penubuhan SPF di seluruh negara," katanya.

Menurutnya, Taman Sinonim SPF Selandar ini akan ditanam dengan pokok-pokok yang mempunyai nama tempatan sama dengan nama tempat

di Melaka.

"Contohnya pokok bidara sempena Tanjung Bidara serta pokok Melaka sendiri sempena nama negeri Melaka, batang Melaka, Kampung Ulu Batang Melaka (Selandar) dan Melaka Pindah (Alor Gajah).

"Oleh itu, hasrat FRIM dalam penubuhan taman ini lebih kepada memberi pengetahuan dan pendedahan kepada masyarakat setempat khususnya buat generasi

muda untuk mengenali nama tumbuhan yang sinonim dengan nama tempat.

"Usaha FRIM juga menekankan kepentingan menyibangkan pembangunan negara dengan pemuliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui inisiatif menanam pokok di bandar, daerah, negeri mahupun di kawasan penempatan yang lain," katanya.

Katanya, Taman Sinonim diharap dapat menjadi perintis kepada penubuhan taman sinonim mengikut nama tempatan pokok dan tempat di setiap negeri di Malaysia.

Pada program itu, lebih 80 peserta dari FRIM dan wakil komuniti setempat termasuk sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT), kampung-kampung, badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan terbahit dalam aktiviti menanam pokok.